

28 JUL 1997

DR MAHATHIR LANCAR SERENTAK TIGA PROGRAM PENERBANGAN

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan serentak tiga program yang berkaitan dengan penerbangan di Lapangan Terbang Lama, Sungai Besi, di sini.

Program-program itu ialah "The Great Malaysian Air Rally", Pesawat Terbang Eksperimen Malaysia-Rakan Muda dan homepage Muzium Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

"The Great Malaysian Air Rally" merupakan program penerbangan pesawat ringan anjuran Le Proton LIMA Sdn Bhd sempena konvensyen dan pameran "Langkawi Fly-In '97", konvensyen dan pameran Fly-In yang pertama di Asia.

Pelancaran Pesawat Terbang Eksperimen Malaysia-Rakan Muda adalah anjuran bersama Persatuan Pesawat Terbang Eksperimen Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan.

Muzium TUDM yang telah dibuka sejak 1985 pula memperkenalkan homepagenya sendiri, sekaligus menjadikannya laman web pertama yang diusahakan oleh sebuah muzium di negara ini. -- BERNAMA

AH MAI